



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/7/2011

## Kepelbagaian agama suatu yang nyata - Pak Lah

KUALA LUMPUR 19 Julai -Vision menolak fahaman 'pluralisme agama' yang mendakwa kesemua agama adalah sama baik dan benar walaupun wujud kepelbagaian agama, anutan dan pegangan di dunia ini.

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, hanya satu agama memiliki wahyu yang lengkap dan sempurna, iaitu Islam dan ia bertepatan dengan beberapa firman Allah SWT, antaranya termaktub dalam ayat ketiga, Surah Al-Maidah.

"Walaupun sedemikian, Islam mengiktiraf masih terdapat hakikat, kebenaran, kebaikan dan keindahan etika yang terkandung dalam agama-agama selain Islam.

"Perpaduan rakyat perlu dipupuk menerusi keunikan tradisi agama masing-masing dengan saling bermuhibah dan berkasih sayang sebagai saudara sesama manusia yang berasal dari jiwa yang satu, walaupun agama berbeza," katanya pada majlis perasmian Seminar Al-Quran Dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperihalannya Semasa Dan Hala Tuju Masa Depan di sini, hari ini.

Teks ucapan Abdullah dibacakan oleh wakilnya, Ketua Pengarah IKIM, Datuk Nik Mustapha Nik Hasan.

Seminar anjuran IKIM sempena Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-53 itu turut menyaksikan pelancaran tiga buah buku baru terbitan IKIM.

Abdullah berkata, isu-isu antara penganut agama perlu diselesaikan dengan adil-adilnya dan dalam semangat saling menghormati terhadap lunas agama yang universal sifatnya.

Sementara itu, Nik Mustapha berkata, seminar berkenaan bertujuan membolehkan para peserta mengambil panduan daripada al-Quran yang menekannya Islam menghormati agama-agama lain.

"Islam menganjurkan hidup muhibbah, muafakat, hormat-menghormati bukannya menzalimi. Apabila membicarakan perpaduan di kalangan masyarakat Islam, ia didokong dengan nilai al-Quran iaitu nilai luhur, kasih sayang dan kebenaran keadilan antara umat manusia.

"Dalam masa sama, kita hormati penganut agama lain yang mengamalkan agama mereka dengan tenteram. Jika ada perbezaan pandangan, kita boleh cari penyelesaian. Sebab itu kerajaan wujudkan Jawatankuasa untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama," ujarnya.